

22/04/2002

`Beri keutamaan anak Selangor jadi calon Putrajaya'

Mohd Anwar Patho Rohman

PETALING JAYA, Ahad - Pengerusi Badan Perhubungan Umno Selangor, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo berharap anak Selangor diberi keutamaan menjadi calon Barisan Nasional (BN) bertanding dalam pilihan raya Parlimen Wilayah Persekutuan Putrajaya.

"Kalau Perdana Menteri mahu bertanding di Putrajaya, kita akan sokong kerana beliau adalah calon paling tepat.

"Tetapi jika beliau (Dr Mahathir) mahu mengekalkan kerusinya di Kubang Pasu, kita merayu kepada beliau supaya anak Selangor diletakkan sebagai calon utama BN bagi pertama kali sebagai menghargai pengorbanan Selangor," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Perwakilan Umno Bahagian Subang di sini, hari ini.

Dr Mohamad Khir berkata demikian ketika ditanya mengenai siapakah calon yang paling layak untuk bertanding di kawasan Parlimen Wilayah Persekutuan Putrajaya selepas Dewan Rakyat meluluskan usul draf Perintah Perlembagaan dan laporan kajian semula persempadanan bahagian pilihan raya Parlimen Wilayah Persekutuan Putrajaya baru-baru ini.

Beliau yang juga Menteri Besar Selangor, berkata jika BN dan Umno bersetuju dengan pandangan itu, ia akan memberi kesan baik kepada Selangor kerana menjadi tanda penghargaan kerajaan Persekutuan terhadap Selangor.

Ketika menjawab soalan mengenai peluang BN memenangi Parlimen Putrajaya daripada saingan parti pembangkang terutama Pas, katanya, beliau yakin BN tidak akan menghadapi masalah mendapat kemenangan.

Sementara itu dalam ucapannya, beliau mencadangkan kajian menyeluruh bagi mengenal pasti punca meningkatnya jumlah kes jenayah seks melampau terutama yang membabitkan kes sumbang mahram.

Beliau berkata, kajian itu penting bagi mengenal pasti golongan keluarga peringkat mana yang sering terbabit dalam sumbang mahram dan pada masa sama membendung gejala itu daripada terus berleluasa.

Pada majlis yang sama, Dr Mohamad Khir turut melancarkan laman web Umno Bahagian Subang iaitu www.tok-ketua.net dan menyampaikan 102 biasiswa kepada anak ahli Umno bahagian bagi mengikuti kursus sijil dan diploma dalam bidang teknologi maklumat (IT).

(END)